
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

SAU300 – Pekerjaan dan Kehidupan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Calon-calon boleh menjawab di dalam Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Inggeris. Bagi mereka yang menjawab dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya SATU soalan MESTI dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Jawab ENAM (6) soalan dari Bahagian A dan SATU (1) soalan dari Bahagian B.
[Answer SIX (6) questions from Section A and ONE (1) question from Section B.]

BAHAGIAN A [SECTION A]

Jawab ENAM (6) soalan sahaja daripada Bahagian A. Setiap soalan bernilai 10 markah.
[Answer only SIX (6) questions from Section A. Each question is worth 10 marks.]

1. Menurut Marx, mengapakah kerja membuat seseorang rasa terasing?

[According to Marx, what makes work alienating?]

2. Pada pandangan Marx, apakah peranan 'surplus value' dalam eksploitasi terhadap pekerja?

[What is the role of 'surplus value' in Marx's view of the exploitation of workers?]

3. Menurut Durkheim, apakah perbezaan diantara kesetiakawanan 'mechanical' dan 'organic'? Berikan contoh-contoh.

[According to Durkheim, what is the difference between 'mechanical' and 'organic' solidarity? Give examples.]

4. Dengan idea apakah Mayo memulakan penyelidikan beliau ke atas produktiviti pekerja? Mengapakah beliau megubah idea-ideanya mengenai produktiviti pekerja?

[With what ideas did Mayo begin his research on worker's productivity? Why did he change his ideas about this?]

5. Menurut Marx, apakah tahap-tahap yang terlibat dalam perkembangan kapitalisme? Bagaimana dan mengapakah Braverman telah mengembangkan idea-idea Marx ini?

[What stages did Marx consider have been involved in the development of capitalism? How and why did Braverman extend Marx's ideas on this?]

6. Grint tidak bersetuju dengan pendapat Braverman yang mengatakan bahawa tujuan utama kapitalis adalah untuk mengawal pekerja. Berdasarkan pada pendapat Grint, apakah yang mendorong kapitalis?

[Grint does not agree with Braverman that capitalists' main aim is to control workers. What does he think motivates capitalists?]

7. Bagaimanakah pekerja-pekerja membantu dalam menghasilkan keadaan-keadaan yang menyumbang kearah pengeksploitasian terhadap diri mereka sendiri?

[How can workers help to create conditions that contribute to their exploitation?]

8. Apakah antara kesan-kesan yang di alami oleh pekerja terhadap pengenalan fleksibiliti di tempat kerja?

[What are some of the effects on workers of the introduction of workplace flexibility?]

9. Apakah sifat pembahagian buruh yang bersifat jantina?
[What is the nature of the gendered division of labour?]
10. Mengapa wanita berpendapatan kurang daripada lelaki?
[Why do women earn less than men?]
11. Orientasi-orientasi jenis apakah yang pekerja ada terhadap kerja mereka?
[What kinds of orientations do workers have towards their work?]
12. Bagaimanakah perubahan-perubahan dalam teknologi masa kini akan memberi kesan terhadap pengambilan pekerja dan gaya hidup pada masa hadapan?
[How are present technological changes likely to affect future employment and lifestyles?]

BAHAGIAN B [SECTION B]

Jawab SATU (1) soalan sahaja daripada Bahagian B. Setiap soalan bernilai 40 markah.
[Answer only ONE (1) question from Section B. Each question is worth 40 marks.]

13. Bagaimanakah proses buruh (pembahagian kerja, organisasi kerja, tahap kemahiran), dan peluang-peluang pekerjaan telah dipengaruhi oleh perubahan-perubahan dalam teknologi-teknologi yang berkaitan dengan kerja?
Bincangkan dengan merujuk kepada period-period utama dalam perkembangan kapitalisme, dengan memberikan tumpuan khas kepada perubahan-perubahan masa kini.

[In what ways have the labour process (the division of labour, the organisation of work, level of skill), and employment opportunities, been affected by changes in work-related technologies?

Discuss with reference to the major periods in the development of capitalism, giving particular attention to contemporary changes.]

14. Terdapat perdebatan (percanggahan pendapat) bahawa perhubungan di antara majikan dan pekerja melibatkan 'implicit contract'. Apakah yang dimaksudkan dengan 'implicit contract' ini dan faktor-faktor yang menggagalkannya? Bagaimanakah pihak majikan dan pekerja cuba mengubah perjanjian ini?

[It has been argued that the relationship between employers and employees involves an implicit contract. What is this contract about? What factors upset it? In what ways do both groups attempt to change it?]

15. Bandingkan bentuk pengeluaran Fordisma (mass production) dan Post-Fordisma (flexible specialisation), dengan memberikan perhatian kepada teknologi yang digunakan, barangan yang dikeluarkan dan organisasi kerja yang digunakan. Bagaimanakah Post-Fordism cuba mengatasi masalah pengeluaran secara besar-besaran (mass production)?

[Compare Fordism (mass production) and Post-Fordism (flexible specialisation), paying attention to the technology used, the products produced, and the organisation of work. In what ways does Post-Fordism attempt to overcome the problems associated with mass production?]

16. Apakah kelebihan dan kekurangan 'telework' kepada majikan dan pekerja?

[What advantages and disadvantages does telework have for employers and employees?]